JIWA SEORANG LOSER

Personaliti Berubah

M.ASCENCION

Julie Goes Overseas

Personalitiku berubah
Kerna kumahukan ia disini
Dan bila akhir nanti semua akan pergi
Kemana ???
Siang malamku hancur
Pabila bayanganmu muncul di fikiranku
Siang malamku hancur .....
Kerna semua milkiku hilang dari sisi.

Ku rasa bersalah
Penuh dosa lemah....kepadaMu....
Ku luahkan kata ampun
Bantulah diriku!!!!!
Ku hancur .....
Dan jangan kau bertanya
kemana hilangnya
semua yang segala yang indah di sini .....

JIWA SEORANG LOSER

POT PET POT PET

M.ASCENCION

BAND REVIEW

ARTIKEL

INTERVIEW

ADIO KARAT

ULASAN ZINES

ULASAN GIGS

#1

RM 4 .00

LIRIK

INFO GIGS

IKLAN

JIWA SEORANG LOSER

JIWA SEORANG LOSER

SELAMAT DATANG DAN SELAMAT



MEMBACA ZINE JIWA SEORANG LOSER

M. ASCENCION

MUDAHAN KALIAN CERIA SELALU !



JUMPA LAGI DI LAIN LEMBARAN !



SALAM SAYANG DARI M.ASCENCION !

BYE BYE BYE !!

THANKLIST TO : MAK DAN ABAH, mak! (selamat hari ibu!!! Love you so much!!!), kak Ani n kak Atul (suka pasan cantik! gP), kawan-kawan, jiran, abang CC (hantu CC menantimu.....), cikgu-cikgu di SMk Pondan Agogo, band tempatan, pembaca setia zine Jiwa Seorang Loser (muah muah muah!! Love you all with whole my heart!!! <3), tak lupa buat pemadam faber castel, kertas double A4, laptop DELL, LRT, BAS rapid, makcik kat kedai pau, abg kelapa (air kelapa sedap gila!!!hilangkan dahaga lepas balik dari sekolah), Raja, Fara Jijoi (sudi pujuk suamimu kongsi cerita), Azim. Tak lupa juga buat Farid (tak kan putus janji kita pada malam itu kan?kan?kan?), seterusnya, kepada mereka yang terlibat dalam penghasilan zine JSL, harap-harap zine ni akan berkembang maju dan berkualiti, oh ya tak lupa juga buat kakak soundmachine yg sudi bantu aku donate barang.. hehe juga penyebab rahsia aku pecah,ibarat jerawat batu yang di picit lantas mengeluarkan cecair yang tak enak di pandang. Terima kasih sekali lagi!! Pada mereka yang namanya tak di sebut dan tak di taip harap maaf, aku sangat lupa, kalau nak gak anta la sms ingatkan aku supaya bubuh nama korang. Thanks a lot guys!!!! Teruskan membaca kerana ia satu amalan mulia. Dan pada mereka yang rasa nak jd mcm aku, mula lah menulis, ianya tak rugi pun. Bagi aku kalau melepak lagi la rugi, bazir masa dan wang. Kalau menulis ni at least korang dapat tajamkan skill penulisan, dapat la kurangkan stress. Ya, malas la nak kupas panjang-panjang, mata dah layu da ni. Lagipun malam ni sayu je, enak kalau tidur awal.

Ahkir kalam, selamat maju jaya. ~~Berdolah~~ * Berdoalah demi kesejahteraan kita bersama. Sokonglah muzik tempatan kita. Buanglah rasa demand, rasa besar kepala kerana ia tak datangkan apa-apa manfaat. Elok lagi kalau kita sama-sama duduk berbincang, menyelesaikan masalah ini nescaya akan Nampak cahayanya..

Buat kamu si pujaan hatiku..teruskan hidup... senyumlah dengan manis kerna aku ada dlm jiwamu (wah, ayat poyo semacam.....)... tata!!!

Doakan kejayaan untuk aku ya

JIWA SEORANG LOSER

KARYA M.ASCENCION

Welcome back dude !!!

Assalamualaikum dan salam sejahtera kepada geng yang aku sayang. Ya aku tahu korang sedih pasal aku kan? Aku tahu korang hentak-hentak kaki kat lantai pasal korang rindu aku kan? Ya, aku juga tahu yang korang nangis 30 malam tanpa henti pasal korang cinta aku kan?? (wekk, siapa la nak kat aku ni?) Pertama kalinya, aku nak ucap banyak banyak dan banyak terima kasih kepada mereka yang sudi beri komen membina serta komen yang memberangsangkan. Tak sangka zine yang layak dok kat dustbin ni pun ada jugak orang yang mintak aku teruskan menulis dan meraban (merepek). Selamat datang ke isu #1 Jiwa seorang Loser, kepada mereka yang terlepas tuk isu #0 anda gagal ! Ewah! Gedik pulak kau ya, mentang mentang dah ada orang yang minat baca zine buruk kau, kau dah mula kuar tanduk (NATES!! hehe). Opss! Sorry geng. Ok. Tuk isu #1 ni akan ada contributor baru yang mana aku paksa dan rasuah dorang tuk sumbang cerita, (rasuah? Tak main la rasuah org, aku bukan org kerajaan yg suka buat benda keji mcm tu) hehe. Aku harap geng akan terhibur layan zine ni hingga akhir hayat geng.. ☺

Ya, kali ni aku akan sumbatkan interview bersama band yang menjayakan Indie Goodness Gig Volume 3 (aku pun pergi.. kau tahu apa?). Aku juga akan muatkan ulasan mengenai Indie Goodness tu, memang sumpah cakap huru hara stage tuh. Rugi korang tak pi!. Seterusnya ada gak cerita menarik dari gua dan cerita menarik dari kawan gua. Apa apa hal gua chow dulu, nak pi tandas sat. Jumpa lagi, tata! Pastikan korang melekat kat zine ni.



lagu Alif Satar versi M.Ascencion

"please please please kamu jangan curang, nanti aku datang bawak senapang gajah, oh ho, please please please kamu jgn nakal, nanti aku datang bawa awek baru, diriku untuk dia, dan bukannya tuk engkau!!" .

Terima
Per

SEBARANG TEGURAN CADANGAN ATAU NASIHAT ATAU CERITA ATAU RAHSIA YANG INGIN ANDA KONGSIKAN BOLEHLAH HANTARKAN PADA NO 61 JALAN ENGGANG, TAMAN KERAMAT, 54200 KL.

EMAIL : huru_aedes@yahoo.com

Ini no saya 0132666832

Call pun boleh, mesej pun boleh tapi jangan gatal gatal hantar waktu saya sedang tidur ya?



Melindungi Harta

atuan
GIAT
TRI
I D

JIWA SEORANG LOSER

EH !!! Liyana Fizi ty lawa kan?.. Yela, kulit putih, gebu, suara lembut, cantik, pandai petik gitar. Bisa bikin hati para duda tergoda.... Kalaulah aku handsome, sudah lama aku ayat dia. cun!!!... gerek seyh!! tayang satu Malaysia...

"GILA KAU !!?, AKU SUKA LIYANA FIZI !!!"

'Gila aku suka ~~fizi~~ Liyana Fizi'.. Mana pulak nak campak si dia? oi, suka hati je main campak-campak. Kau ke??.. Cakap teringat kat dia handsome, kalah gua, baguslah rupa dah banyak da bertenggek kalaulah aku ingat dia taugeh pasal taugeh, kawan lama, hehe putih, jamby... senang cakap dia... dia ni... awek seksi tepi FB dia.. dengan dia...???

AKU DENGAN DIA? GILA KAU !!! DIA TU DAH LA... LE.. LEM... LEMBUT.....

Review Albu

Castury
engan

tis: Castury
ajuk: Seharum

mereka ta
mpulan yar
ertainment i
ereka, Sehar
sebut meng

on) dan Hanya
a, album ini
artis era 80-an,
aysia, Santun

PLAYLIST RADIO NGOK NGEK !!!



MIDGAR - 50KPROMIES

PENAKUT - YUNA

HODOH – Green Love

RADIO KARAT

BUTterfingers

RUIN by thE selling out -

VENUSIA - ONG

teruna & dara – the lipstik

GADISKU – DVEENER

PLAGGUE OF HAPPINESS - MALAM

Into Every Life – ABTMH

LIAN MIPRO IN CONJUNCTION WITH DYS BOOKING AGENCY

PRESENT

DEATHANGEL



opening act:

LIVE IN KUALA LUMPUR

MAY 6th , FRIDAY

TIME : 7.30 PM | VENUE : ONE CAFE, KL

TIKETS : RM50 (Early bird -limited 100 pcs) | **RM60** (Presale) | **RM70** (Door)

TICKETS AVAILABLE AT :

Dolls Store (Bukit Bintang) / Acoustic Music (Pertama Complex) / Campbell Music (Kedai Auntie/Campbell Complex)

Nebiula Heavy Metal Shop (Campbell Complex)

For more info: www.myspace.com/deathangel | www.myspace.com/dysbooking | www.lianmipro.com

SUPPORTED BY :

liian MIPRO | DYS BOOKING AGENCY | dyslexia records | GRAPHIX | MAYAT WEAR

Kadang-kadang aku terfikir kenapa aku di uji dengan suatu masalah sedangkan masalah masa lalu aku belum lagi selesai. Dan terkadang aku masih belum habis mikir mengapa ia berlaku dan apa yang harus aku lakukan?. Barangkali Tuhan mahu mengukur sejauh mana kesabaran aku. Tapi mengapa mesti ujiannya maha hebat? Sakitnya dapat aku rasa. Harus aku berkata pada siapa? Dan sekuat mana lagi hati ini agar dapat aku rahsiakan ia tanpa perlu menceritakan pada siapa-siapa. Apa harus aku tahan sampai aku mati?. Luka yang di biar tanpa di ubat lama-lama pasti akan berkudis. Aku belum habis memikirkan soal ini lagi dan masalah baru datang tanpa segan dan silu menambah lagi kedukaan di hati aku. Tapi apa la daya aku sebagai insan yang kerdil? Apa yang aku mampu lakukan?. Kalau aku berlari sejauh mana pun belum tentu lagi dapat memadamkan api kemarahan hatiku? Kalau aku menjerit sekuat hati pun belum tentu lagi masalah ini akan selesai? Hingga kini aku masih berfikir tentang bagaimana caranya untuk aku menyelesaikan semua perkara ini. Apa mungkin langsung akan berterusan hingga nafas aku ditarik, walau rohku berpisah dengan jasad??. Perlahan-lahan air mata aku mengalir bersama degupan yang penuh dengan sejuta tanda tanya. Masa tetap berjalan dan meninggalkan aku yang masih berteka teki. Berat sungguh bahu ini memikul. Aku bawa dari hari ke hari. Namun aku yakin di suatu masa pasti akan terlihat hikmahnya.



DUA TIGA KUCING BERLARI, MANA NAK SAMA SI DIA SEORANG, DUA TIGA BOLEH KU CARI, 20 DAN 30 APATAH LAGI?? (HAHAHAHAHA).

HEY MAKCIK !!

ADUH, kepala gua pening, rasa macam shiot je! Mana taknya, tidur yang berkualiti ni hancur musnah, trganggu dek kerana deringan phone cikai je.

Waktu gua sibuk buat air liur basi, boleh pulak phone gua berdering 3 kali, panas gua! Time tu badan gua tak gagah nak jawab, gua hanya usha screen je, gua tengok kawan gua yang call jadi gua pun terus tolak tepi phone dan sambung tidur.

Mimpi gua yang tadi tu punyalah bagus cehhh, bila nak dapat balik, tu yang susah tuh.

Selepas tu, gua pun tidur nyenyak lagi, sehinggalah satu mesej masuk.

"SHIOOOOOTTTT" gua nak tidur la mangkuk! Ni yang bikin gua panas ni. CELCOM sibuk hantar sms bodoh nya itu. Mesejnya berbunyi "dont miss out, just reload of min rm5 today and you will enjoy free 60minutes call to celcom numbers. Reload now!. Setan betul, aku bukan kaki gayut laaaa.....

.....!!!!

*Pengajarannya, jangan pakai celcom, pakai la maxis & digi.

Haha. Padan muka celcom, kau buat hal lagi, aku tukar pi rangkaian lain. :P



Ulasan Zine

CONSCIOUS #3 / BEN.

Walawei, gua sangat enjoy baca zine ni content memang tak mengecewakan aku. Terdapat kisah dari penulis tu sendiri. kisah mengenai dirinya yang diangkat anjadi anak bagi sepasang suami isteri (apa aku bebel ni?).. sepanjang aku membaca kisah abg Ben ni, aku dapat rasa air mata jantan aku mengalir keluar.

selain itu, kisah kawan si Penulis ni dalam mengejar cintanya juga amat menyayat hati tapi sangat manis di penghujungnya...

BLUR #3 / IKUAN.

Tabik !! - Penulis ni memang sempoi. zine yang dihasikan 85% tulisan tangan. kental jiwa dia!! Berbekalkan ilmu di dada, abe ni berjaya memuatkan kisah - kisah menarik mengenai indie supporters yang bebal. Artikel mengenai pencemaran, ISA (ala, penahanan tanpa bicara tu), transformers - FB, interview bersama WEOT SKAM, memang panas macam keropok lekor. mai rembat bedal !!

SEPi itu Indah / SITI JENAR (Bukan nama Sebenar)..

Yang ni aku betul - betul tak tahu nama penulis ni. dia hanya letak siti jenar (Bukan nama sebenar).. Yang pasti zine ni menarik untuk tatapan umum. sempoi je bahasanya. Ada kisah kawannya, silap naik motor, kisah mghantar rombongan haji, kisah baju pajaannya kotor, kisah nasi mahal dan berbagai lagi. E-senang kata "seronok nyah !! ". Paling best kirah si penulis yg bijak berdiri beratur lama - lama kat pejabat pos padahal nak beli setem 0.50 sen je...

Saya cinta kan awak **tak, saya tak cintakan awak..!** *tak, awak tipu!!!* **Ya saya tak tipu awak.**

Saya bersumpah yang saya sayangkan awak... tolong jangan tinggalkan saya?!.

Emmmm, nantilah saya pikirkan....

HAAAADOOOIIII, **siot** punyer cerita!! **Bongok**, bazir letrik je aku nengok tv... aku rasa marah denga **story bodoh ni**, apa da, dah **kata tak suka tapi tak paham bahasa**, pastu bila yg girl main sumpah sumpah, boy tu baru nak terhegeh hegeh pikir.... BAMBOOOO betul !!!!!!!!

Dan malam itu, **aku M.Ascencion** *pun terus tidur dengan linangan air mata.....* **Shiottttttttt laaa.....!!**

Seharusnya untuk isu ni ada interview bersama SOG dan JGO, namun apakandaya mereka sibuk. Wa tunggu punya tunggu, mereka belum balas.. ok tak apa, mungkin rezeki gua tarak. Ya, dan aku nak mintak maaf la ya..

CELARUNYA OTAK AKU !!!!!

Merapu aku didalam kesesatan,

Berpinar-pinar mencari jalan keluar,

Berlari dengan sepenuh hati,

Dari kenyataan yang memedihkan hati,

Aku tahu aku bukan dari atas,

Dan aku tak layak untuk berada di atas,

Aku tahu aku bukan yang di hormati.....

*macam tahi kucing je aku punya puisi, haha, baik aku tidoq, sekarang pun hujan gerimis, memang kena la dgn tema mata aku, semoga phone cikai aku ni tak bunyik lagi.

AEDES # 3 / JOE KIDD.

Ya, thanks to bos Faiol kerana diayg menyebabkan gua dapat membaca hasil penulisan penulis pujaanku. memang susah nak dapat zine ni. Pasal zine ni dikeluarkan pada tahun 1989. Lama tu. Gua pun belum lahir lagi. Gua ggak time tu gua sibuk belajar berenang bersama sperma yang lain. Mungkin. Content padat dengan info mengenai dunia metal, punk. Cuntt. Paling gua tabik pasal penulis ni menukar segala interview kepada bahasa Melayu katanya memudahkan pemahaman. Bagusla.. cemburu gua. Yang pasti korang wajib rembat zine ni.

HOMESICK Vol. 1 / NIZANG.

Zine ni best gila !!! Dalamnya ada banyak story, banyak kisah, zine ni dibuat bersama penulis ~~terst~~ tersohor Malaya. Yela, semuanya hebat-hebat antaranya kisah dari Hafeez (Abstained Agogo). Ikuan (Blur), Anix (Masked Reader), BenC (Conscious), Ayien (Adaptation), ~~Haqan~~ DRSA, Ancaman Kecil, eh. memang banyaklah story didalamnya. Nak tulis pun tak termampu dah. Pokoknya korang mesti beli satu. Caranya.. contact senior gua di nizangmosh@gmail.com

BAND REVIEW



TAKE ANOTHER DAY

SEBUAH BAND BARU BERASAL DARI AMPANG. Membawakan genre Slow Rock , Progressive Rock, Alternative Rock, Post-Rock.

Mempunyai lima orang ahli band iaitu Bob (vocal), John (1st guitar), Ehsan(2nd guitar), Ammar(bass guitar), dan Akim(drummer). Dengan menaruhkan single pertama mereka iatu Mentari Merah, mereka yakin yang mereka mampu menawan pendengar tempatan kita. Yang membuatkan mereka bertambah yakin dengan apa yang mereka lakukan, inspirasi untuk menjadikan mereka bertambah mantap dengan adanya influences Punk Rock, Indie, Slow Rock, Post-Rock, Progressive Rock, Alternative Rock, Reggae, Metal.

LAWATI MEREKE DI

ww.facebook.com/takeanotherday

BERITA SEMASA

Wartawan AScencion melaporkan khas dari pentas aksi bengong..

DAH dekat dah.

Apa yang dekat? Oh, Band Green Love dah nak keluarkan album dalam masa yang terdekat. Kata Saiful dalam proses packing. Wah, mesti hebat ni hasilnya. Tak sabau para grungers di Malaya. Sebelum tu mai la pakat ramai-ramai simpan duit, nanti boleh beli album mereka.

Jadi terbang atau tidak.

Ya, baru-baru ini gua selaku reporter mak Enon kaki kepoh di kejutkan dengan satu berita gembira yang Arif dari A Bullet Trough My Head dapat keputusan cemerlang dalam SPM, tup tap tup tap dapat tawaran lanjut pelajaran ke Jepun. Perggh! Hebat mamat ni. Sekarang ni gua masih berteka teki apakah jawapannya. Tahniah buat Arif, akhirnya usaha anda mendatangkan hasil !

Naik pelamin?

Di laporkan Fara Jijoi teman si Ascencion bakal melangsungkan perkahwinan dgn pasangan pilihannya pada tahun hadapan. Pasangan ini juga berhasrat untuk berbulan manis di Pulau Redang. Majlis bakal berlangsung pada 00/0/0000. Hadirin di jemput hadir bg memeriahkan suasana.

Jatuh, golek dan gol !!

Baru baru ini editor JSL telah jatuh dan tergolek di kediamannya sendiri gara-gara bermain bola sepak. Menyebabkan tangan kanannya bengkak , hingga kini tak sembuh-sembuh, barangkali ajal sampai. Sama-samalah kita berdoa mudah-mudahan si editor ni cepat sembuh, kalau tak macam mana dia nak keletak-keletuk papan kekunci buat zine.

Cjol juga sasaran si editor JSL apabila berjaya memancing seorang insan yang bernama awek ke dalam pangkuannya. Misinya dijangka selesai setelah awek itu Berjaya di goreng garing, lain kali jangan kacau makwe orang ! kalau kena kat aku pun aku mengamuk. Tahu?

Pertembungan Cinta 4 Segi.

Dimaklumkan bahawa Editor Ascencion ni di bunuh gara-gara bermain cinta 4 segi. Menurut sumber yg boleh dipercayai, gf si editor ni (fara jijoi) telah mengamuk habis kerana bf nya(aku la tu) curang murang meluahkan kata cinta pada wanita lain (isyaa), dan menurut sumber lagi, si gf nya (fara jijoi)pun curang gak, siap ada bakal suami lagi (ahmad Faizal), lantas menceraikan gfnya (fara jijoi) dengan talak 8...Di mahkamah, si editor ni pun mendakwa yang dirinya tak bersalah lantas mencari lagi gf baru iaitu cewek ganu (penunggu setia).

Editor ni memang kaki perempuan, tak sah kalau ikan terlepas dari joran nya. Si editor ni dilepaskan dgn di ikat jamin wang berjumlah RM5k. Yang menambahkan kepedihan apabila cewek ganu juga telah tertangkap cinta padanya(aku). Beb, mengapa aku hebat sangat tackle wanita??. Dan suatu tragedi menyayat minda berlaku apabila si editor telah menembak mati burung gagak kepunyaan gf nya (isya), lantas hubungan mereka di putuskan, editor ini juga di beri tamparan maha hebat oleh bapa si gf nya(isya), dia telah ditampar bertubi-tubi oleh bapa buah hatinya menggunakan kulit durian.lantas menjadikan wajahku cacat serta merta..

Akhirnya, si editor melarikan diri ke Ganu berjumpa cewek nya.. di akhir jalan aku M.Ascencion sendiri telah di racun olek awek ganu ku. Dia telah memberi budu yng dibubuh racun serangga dan asid. Motifnya membunuh aku dengan sengaja oleh kerana kenakalan aku dalam menembungkan cinta 4 segi, katanya "cinta harus dimainkan 3 segi dan bukannya 4 segi"...

Sekian dari saya M.ascencion melaporkan untuk tvBengong..

FAKTA DAN AUTA ....

poem

now you're gone
the nights grow thin
the long-winded summer
stretches indifferent before me
a whore

in the whispering dark
the festering jungle

now you're gone
on laps of blue

i am the lonely straw
that shuttles
in vagaries of wind
stifled in waters of littered nights

oblivious winds of steel
pierce the calcium of my bones
aching raw
in the long spray

of your laughter
among the callous ocean's
uncertain rocks
i am the slippery scorpion
solitary seeking
a *nirvana*
which never comes
now you're gone.

Sehinggalah jam 9.25 malam. Dia mesej aku. Tapi kosong la mesej dia. Aku balas "mesej kosong". Jam 9.28 malam, dia balas "dalam banyak banyak lelaki dlm dunia ni, kenapa awak pilih saya", aku balas "wajibkah hukumnya untuk jawab", dia balas "saya Tanya, sila jawab". Dan aku menarik nafas dalam dalam. Aku tahu apa jawapan nya nanti.. "perasaan ini datang dengan sendirinya" ringkas aku jawab, 9.36 malam "kalau saya ok, apa awak buat?", "tak tahu, diam je kot", aku balas mcm tu je. "yeke, tapi maaflah sebab dalam hati saya hanya ada seorang wanita yg cinta walaupun saya tau dia dah takde, maaf", itu yang dia kata. "tidak mengapa, saya faham, saya tahu jawapan nya tetap akan begitu sebab itulah saya tak nak berterus terang, saya tahu ia akan jadi begini, maafkan saya kerana membuat awak susah hati". "takpe, saya harap apa yang saya tulis tak menguris hati awak, dia jawab dgn yakin. "tidak mengapa, inilah lumrah hidup", pilu aku menjawab. "ok,bye", dia yakin dan berlalu pergi..... "jaga diri, assalamualaikum", inilah pesananku yg terakhir.. dan aku hadapi malam itu dengan tenang..

Salah aku gak pasal aku syok sendiri. Padan muka untuk aku.. padan muka sebab gatal gatal benarkan diri hanyut dalam cinta yg plastic.

Hahaha, sebenarnya aku sengaja kepilkan kisah ni dalam zine ni pasal aku rasa tak ada salahnya aku meletakkan satu lagi kisah realiti.

Namun aku janji yang aku tak akan letak kisah yang sedih lagi syok sendiri macam kisah tadi, mungkin aku akan letak kisah yg berbunga pulak.. tapi ada ke orang yang nak percaya kisah aku, pasal aku pun tak pernah bercinta.....SIOT SAJE KISAH AKU INI...

02/03/2011

B O S A N.....

Waktu ni aku kat dalam dewan sri kandi, perghh! Membosankan tahap cipan, cipan pun tak macam ni taw. Apa da, PROGRAM AMANAT 2011, naik muak aku taw, benda alah ni tiap tiap tahun ada. Cuba la dok diam sekejap, ada je benda yang nak di buatnya, sefaham aku la kan, program ni adalah program di mana sekolah aku telah di angkat oleh satu organisasi, macam mana ek nak sebut, hah! Program sekolah angkat la ngok! Susah beno nak mikirnya. Acara ni bertujuan tuk menaikkan martabat, menaikkan imej sekolah, menaikkan berat badan serta untuk menaikkan semangat pelajar supaya belajar bersungguh – sungguh (ek'eleh, macam la kitaorang tak pandai belajar sendiri, sibuk je nak suruh itu suruh ini). Aku tengok tak da mendek pun yang kitaorang dapat selain bazir waktu dengar ucapan yang lemau lagi expired tahap taik idung kering (euuuuuu, aku dapat bayangkan taik idung kering tu).

Bayangkan content ceramah dia , menyebut perihal pelajar harus bijak susun waktu, harus bijak kawal nafsu, harus bijak belajar, harus bijak jadi ini. Hadoi !, ini semua aku dah dengar time perhimpunan pagi isnin, tak best langsung. Ada lagi pakcik tu cakap perihal gajet, fb, phone dan segala taik, input ucapan dia tu aku dah dengar 2 tahun lepas, see! Benda sama gak dia cakap, why must aku di paksa duk kat dewan ni, bazir waktu yang sememangnya tak dapat di beli dengan emas, pada pendapat aku la, pelajar ni bukannya bodoh nak kena disuruh, mereka dah besar, pandai pandai la berdikari sendiri.



Yang tak boleh belah ni, dia sentuh soal negara, kalau tak silap soal sejarah negara.. untuk yang ni aku nak gelak je hahahahahahahahahaha. Boleh pi mampuihhhh la dengan program penghayatan sejarah tu, jangan mintak aku berterima kasih kat kerajaan yang keparat tuh! Semuanya jahanam, pakai topeng je padahal dalam badan ada hantu setan! Aku tak rasa pun yang Malaysia ni aman.. pasal kes jenayah terus meningkat, rasuah menjadi jadi, jenayah rogol tak pernah bertitik noktah! Kes culik, rompak tak pernah suram, jadi jangan nak berangan la kalau aku akan sembah kaki kau !! makan duit rakyat, tabur janji sana sini, last last habuk pun tarak, takat menabur janji tuk banyakan koleksi taik gigi bole la ... mahkamah pun tak macam mahkamah, keadilan itu tiada di sini. Hanya masa yang menentukan semuanya. Hakim masih ternilai dengan angka wang dan hukum telah di kuasai oleh orang ber wang. Orang yang kuat akan dimenangkan, orang yang lemah pasti merana.

POT PET POT PET

01/05/2011..

SEPUTAR ALAM

Pada hari ni aku berasa sangat gementar. Aku tak tahu apa masalah aku. Ok, pertama kalinya aku tertanya mengapa abang kat kedai burger tu usha panas kat aku...tapi tak pa aku da pun sampai uma dgn aman. petang tu, tak ada siapa siapa kat rumah, jadi aku pun pikir nak on9 je. Dalam pukul 5 aku on9, bila aku tgk je manusia yang on9 kat alam maya tu, aku nampak dia yang berhati merah tu. Aku sedikit gementar, mana taknya hati dah tertawan...(poyonya aku ni).

Aku pun pi cek email aku, pastu layan lagu SOG, siap hantar soalan iv lagi. Tiba tiba, TRENG! Alamak, dia yang aku suka la... aku pun taip cermat2 namun dalam hati gelabah siot!. Tak pa, aku tenang je, pastu aku layan dia macam biasa. Tapi aku tak tahu kenapa aku boleh terbawak dia ke topic mengenai "mamat hati merah", sebenarnya dia tak tahu yang dialah mamat merah yang aku suka, dialah yang aku maksudkan. Tapi entah macam mana, dia seolah olah mahu tahu siapa mamat hati merah tu. Dia macam tnya dengan nada yg serius. Jadi aku pun berkata jujur. Aku tahu masih awal untuk aku berkata begitu. Aku tahu aku ni tak layak di hati dia. Aku tahu yang aku memang tak akan pernah bersama dia. Apasal ayat macam bunga tahi ayam... -.-"

Aku gembira bila dia ada dengan aku, dia boleh buat aku ketawa tanpa perlu control cun. Aku selesa berkawan dengannya. Namun aku sungguh tak percaya yang akhirnya aku berkta "bos la lelaki yg berhati merah tu".. dan aku mintak dia lupakan kisah tadi. Dia bertanya "kenapa?", aku berdalih dan segera menukar topik. Dia tahu aku mengelat, namun aku bertekad yang aku harus melarikan diri dari situasi ini. Aku tak mampu menghadapinya lagi. Cukuplah, aku telah membodohkan diriku di depannya. Selepas aku tukar topic dia hilang secara tiba tiba. Ya, mungkin line internet kene kacau dengan hantu.

SURATAN ATAU KEBETULAN .....

Dalam banyak-banyak story, story mana yang korang suka? Dalam banyak-banyak editor, editor mana yang korang suka? Mestilah korang pilih aku kan? Eleh! Tak nak mengaku pulak, tak apa aku tak marah la, teruskan menyayangi aku kerna ia akan menbuatkan aku lebih bersemangat tuk menghasilkan zine yang berkualiti, aku nak kalahkan magazine YEZZ??(apa kejadah?? Cover buruk! Content haprak!ajak budak melaram sampai buat benda haram...opppss, emosi pulak.). dan aku nak kalahkan magazine URTV, Mangga, Eh, dan lain-lain. (Konon je nak kalahkan...hehehehehe.....) siapa tahu satu ari nanti korang akan nampak aku muncul kat pasar malam sambil di kerumuni oleh peminat zine JSL ni. HAhaha, time tu korang janganlah sedih pasal aku dah feymes!!! Jangan la pulak jeling aku tak tentu pasal, aku tak kan buat korang hampa punya, datanglah ke arahku dan tegur aku..ok?.. alah, ramai peminat yang ngendeng kat aku tak semestinya aku lupa KAT korang yang sudi menyokong aku... alahai, kenapa aku ni kuat berimaginasi yang pelik-pelik, tuhan marah tahu???!!!...

Ok, sebenarnya tujuan aku dok bebel macam antu setan ni pasal aku nak bagi pesanan, kalau ada siapa-siapa yang sudi sumbang cerita, mai la, jangan segan-segan, ganjarannya ialah makan malam bersama aku di warung Pak Munaweh. Dan ada lagi, dapat menari dengan aku..walawei!!!gila sudah editor yang molek ni.... ☺

Hahahaha, dari tahun lepas lagi aku dok ingat kat kedai pak munaweh tu padahal mee cacing dia tu bukannya sedap pun. Pada mereka yang ada kenalan yang suka syok syok sendiri macam aku pun boleh gak sumbang cerita. Korang kena tahu, aku suka dengar dan ambil tahu cerita orang. Hehe, kadang kadang aku bole jadi pakar dalam cinta dengan hanya mendengar kisah orang walaupun aku tak ada pengalaman, hehe, time nak nasihat tu aku buat2 la muka poyo, muka ketat macam aku ni pernah bercinta...hehehehehe, maaf la ya siapa yang terkena kentot dengan aku.. janji tak buat lagi..

Oh ya, pada mereka yang ada band, ada cd, ada zine, ada artikel, ada segala mak nenek berkaitan scene tempatan atau berkaitan dengan apa saja, bolehlah kongsi pada aku.Pada mereka yang ingin berduet dengan aku pun boleh, suara aku pun boleh tahan sedap, sedap macam nenek aku, hehehehe, sedapnya,,,,,,nyaringnya.....merdunya.....wiwiwi~ aku ni kadang kadang teringin nak merakamkan sebuah lagu dimana aku memetik gitar ikut alunan yang aku cipta sendiri Tengok! Berangan tak sudah sudah... Dan kalau ada sesiapa yang sudi jadi cikgu aku, di alu-alukan penyertaan anda. Bukan apa, aku ni dah naik sedih da ni, sampai sekarang tak reti-reti main gitar, abah dah bising da tahu, takat beli tapi tak reti petik.....sungguh sengal,,kan?kan?kan?

Pada mereka yang ada sebarang komen, cadangan, wang untuk pelaburan boleh je hantar kat aku. Kalau ada yang nak cari kenalan terpisah ini lah tempatnya. Kat sini korang boleh dapat kenalan yang baru, yg terpisah tu lantak r, tolak tepi je. Hehehehe, mana tahu, Shahrin band Couple kawin dengan YUna gara-gara zine aku ni, haaa, tak ke hebat namanya tu?? Apa-apa pun semua benda boleh sumbat tapi janganlah yang merepek tak tentu hala pulak ya, jangan hantar bil-bil yang tertonggak. Kalau nak ajak aku jalan-jalan pun boleh je tapi tanya abah aku dulu la.. wahahahahahahahahahaha.....

YO KAWAN!! Sini ada satu celita, celita tentang seorang lelaki yang sangat meminat acara memetik gitar. Hehe, sebenarnya dia adalah Ahmad Faizal Alias merupakan seorang pemain gitar kepada band InsaneDiary. Kagum akan semangat dan usahanya yg berterusan, semangat ini lah yg diperlukan untuk Berjaya. Aku pun harap aku akan pandai main gitar. Mana taknya otak lembab tahap tepu, sampaikan gitar yg ada tu dah jadi macam replica, hanya untuk di pertonton.. kakak aku pun sudah kerek sama aku, main gelak gelak pulak, mentang2 aku tak pandai main gitar lagi..



Faizal dan gitar

by Ahmad Faizal Alias on Friday, May 13, 2011 at 5:31am

aaa~~ dah 15 thn saya bermain gitar...Saya masih ingat gitar kapok pertama yang saya dpt dr ayah saya pada hari jadi



saya yang ke 14. Hari itu la bermulanya perjalanan saya sebagai gitaris. hahahaha. Saya masih ingat zaman dulu betapa best nya dapat 10 ringgit, kita bole beli Tora, dindang, chikerdees dan mcm2 permainan. Zaman dimana gasing dan guli2 sangat popular. (alamak, kita ada persamaan la, hahaha, beli tora la paling best, dapat duit mainan…haha)

Saya dibesarkan dalam keluarga yang susah tapi saya masih bersyukur masih mempunyai keluarga. Saya dibesarkan oleh nenek saya sehingga umur 10 thn. Dari kecil saya minat arwah Sudirman dan rata2 ahli keluarga saya minat muzik. Tok wan, bapa saudara, sepupu saya semua bermain alat muzik. Jadi saya memang terdedah dengan muzik. Ayah saya sendiri boleh menyanyi, main gitar, piano, percussion, dan drum. Beliau orang yang paling segan dalam hidup saya.(hebat ni ☺)



Pengaruh muzik barat saya bermula dari sepupu saya, saya pelik melihat dia beli cd2(masa dulu cd mahal wooo dia anak org berada) guns and roses dan pearl jam (band legend ni!!-ed). Saya merasa hairan dan cuba membeli album2 guns n roses dan pearl jam. Saya masih ingat album pertama guns n roses dan pearl jam pertama saya "appetite for destruction" dan "versus". Sudah pasti saya tak bole terima muzik yang pelik pada saya mulanya. Saya masih teringat pada suatu pagi saya duduk di taman, ada seorang mamat ni dia sedang basuh kereta sambil memasang lagu Nirvana "Rape Me". Saya begitu teruja dgn melodi dan muzik nya. Dari situ saya mula mendengar Nirvana.. dan album pertama saya ialah "Unplugged in New York" Saya meminati Nirvana setelah Kurt Cobain membunuh dirinya. (yeah!!! Grunge tetap dihati walau Kurt Cobain sudah mati…….LONG LIVE GRUNGE!!!! –ed)





takda internet2 ni.. Anak orang kaya boleh la ada. Saya masih ingat saya main gitar sampai melecet lecet jari saya. Bermula era saya mencari lagu lagu Nirvana. Zaman saya tiada internet, tab dan orang2 yang baik hati nak ajar saya. Melalui radio buruk saya, saya hanya pasang kaset dan pegang gitar saya. Apa yang saya buat ialah rewind, play dan pause. Kemudian saya cari dengan menggunakan telinga saya sahaja. Tidak cukup itu saya beli tape video(bukan vcd atau dvd ya) walaupun di rumah tiada tape video player. Saya dengan muka tak malu pergi ke rumah kawan2 saya yang ada video player dan melihat bagaimana Kurt Cobain memegang guitarnya. Aaaaa~~ semua ni sungguh nostalgia.

Saya masih ingat waktu saya pegang penyapu emak saya sambil membayangkan sepenuh hati saya yang penyapu itu adalah gitar. Sambil memasang kaset Nirvana, saya menyanyi dan pegang penyapu tu sepenuh hati saya. Saya hidup di zaman orang-orang kedekut. Semasa zaman sekolah saya memang saya lepak dengan kawan-kawan yang ada gitar tapi mereka sedikit pun tak ajar dan bagi sentuh gitar mereka. Saya hany mampu melihat saja. Balik rumah saya akan pegang penyapu dan berimiginasi sepenuh hati dan perasaan saya...

Terima kasih kepada ayah saya kerana dia membelikan gitar pertama saya melihatkan gelagat tak senonoh anaknya. Saya menangis setiap kali teringat peristiwa ini. Sebab kami orang susah dan walaupun gitar tong itu hanya lah 80 ringgit

tapi sangat mahal. ayah saya membelinya juga. (sebenarnya setiap hari saya minta pada ayah dan ibu saya nak gitar hahahahaha) (kan dah kantoi.....ayoyo... -ed). Selepas dapat gitar itu saya cuba main nya, hahahhaha memang ntah apa2 lah yang saya petik. Ayah saya selalu main dan saya hanya tengok saja. Sikit pun dia tidak pernah ajar saya. Kemudian saya beli buku chord gitar dan belajar tekan chord dengan sendiri Zaman sa

5.Analisis data secara berulang (empat dimensi).

6.Pengolahan sumber data elektron

med

Wing, wing, wing..... inilah benda yang ada dalam kepala aku. FOLIO AKAUN TINGKATAN 5 – kamu memang siot!!! , kamu telah bikin kepalaku pusing.. aku penat ni nak dating dengan kau folio akaun, subjek lain pun dah banyak tunggu aku ajak gi dinner.... kau kena faham akaun, aku tak boleh kepit dengan kau 24jam... aku mintak maaf tapi aku nak dating dengan subjek agama pulak..... ishh...kamu ni.....

kajia
ofisi
uter
bers
fisik
ik s
moc
uk e
esel
seis

10/4/2011. Lokasi dalam kelas 5 lengkuas!!!!!! (aku menci).

Aku rasa macam nak penampar je sekor sekor! Grrrrrr, nak tahu pasal apa?, semuanya memekak, terpekik terlolong macam orang hilang

roc
arar
pel
nil
ik
E

lubang hidung, dey tamby!!!! Nak bising pun agak2 la sikit, hormat kat orang lain yang nak belajar !!!!!!!!!!!!!!!!!!!!

ger
ala
g

(AVA
an

SENYUMAN

LIRIKAN MATANYA

MENGGODA HATI AKU YANG SEDANG SAKIT PERUT GARA-GARA MAKAN NASI GORENG BASI..

KEBELAKANGAN INI AKU GEMBIRA.....

YA, aku mahu berkongsi satu cerita dan sekarang ingin berkongsi dengan kawan kawan. Namanya adalah DIA YANG BERHATI MERAH.. nama ni aku yang bagi sendiri. Pasal aku suka. Aku punya sukalah!. Hehe, aku seronok berkawan dengannya dia punya karakter yang 2/3 hampir sama dengan aku. Dia ni gila gila, baik dan kelakar. Selesa la kwan dgn dia. Tapi satu je yang akutak tahan kalau dengan dia, dia punya imaginasi mmg tinggi, setinggi pelangi. Tapi dialah penghibur jiwa dan raga baju kat bilik aku, (ewah, dah mula merepek da). Bila aku dengan dia, aku rasa free, semacam aura yang mengatakan aku gumbira !!!!. dan aku dapat rasakan yg dia letak batu lesung, dinding pemisah.....

Aku dapat lihat warna merah kat hati dia tapi dia kelamkan warna hati dia dengan warna kelabu jadilah ia warna kuih yg hangus akibat masak lama sangat !!!

Aku pelik gak pasal diri aku ni, aku suka brlagak cool depan member padahal dalam hati ada donut!

Ya, aku mmg macho pun, aku kan rocker yang hebat.

Gila, kau mmg gila!!

Apa la bengong aku punya cerita !!!

Ptuihhhh!!!!!

Pada umur 15 tahun saya semakin gila untuk bermain gitar elektrik. Mula membuat band dan mencari kawan2 untuk jamming bersama. Studio pertama yang kami pergi adalah studio di selayang. Kami panggil studio reban/jamban sebab betul2 saiz jamban. Hahahahaha. Pengalaman pegang gitar elektrik buat kali pertama susah digambar kan... Saya rasa hanya orang yang pegang gitar saja yang faham. Saya rasa seperti hari raya bila pegang gitar elektrik tu. Hahahahaha Pada umur saya 15 tahun saya sudah byk masuk battle of the band. Setiap kali saya masuk, saya digelar budak yang paling kecil yang masuk pertandingan Battle of the Band. Saya masih ingat, setiap kali saya masuk saja, saya pinjam gitar elektrik org2 disana...mujur ada yang baik hati. Kemudian sepupu saya kadang2 juga bagi saya meminjam gitar elektrik mereka. (hebat la calon suami kawan saya ni, tabik lah!!! Geng!! Mari tabik sekali, cepat!!! –ed)

Guitar karen Yeah!!! Sehingga saya habis sekolah menengah saya tiada gitar elektrik. Habis pengajian sekolah menengah, saya sambung pelajaran saya di Politeknik Ungku Omar. Pada umur saya 20 tahun, saya simpan duit pinjaman saya. Saya selalu jamming di ipoh. Saya memang selalu lepak di studio tu. Nama abg tu Abg Agok. Abg Agok ni selalu la bercerita pada saya mengenai gitar. Dia orang pertama yang mendidik saya pengetahuan mengenai gitar tapi tak ajar main gitar la. Jadi melalui dia, saya tahu semua bahagian2 gitar. Sebelum ni saya tak ambil tahu pun. Kemudian dia nak jual gitar kat studio tu, kebetulan gitar yang saya selalu gunakan masa jamming. Saya berebut dengan seorang pakcik. Dia kata dia suka gitar tu, saya kata saya lebih memerlukan!!! Saya tanpa berlengah mengeluarkan duit saya dari ATM dan beli!!!! Ye... itu la gitar elektrik pertama saya. Guitar Squier made in Korea yang berharga 500 ringgit. Melalui guitar elektrik pertama banyak yang saya belajar tentang teknik2 bermain gitar elektrik.

Melalui gitar dan menyanyi saya jumpa ramai kawan2 muzik.. Antara yang terkenal yang pernah saya jumpa dan berbual

adalah Man Keedal dan Eddrie Hashim. Pencapaian saya dalam muzik tidak lah tinggi seperti orang lain. Tapi saya gembira, sekurang kurang nya ex band saya Incendiary pernah menang tempat ketiga pada battle of the band yang disertai oleh byk orang2 tang handal(meraka agak star zaman sekarang tapi tak perlu saya sebut nama mereka) dan kami pernah beraksi di national final GBOB(Global Battle of the Band) yang dianjurkan Astro Hitz.

Hari ini umur saya 29 tahun... Hari ini saya sudah ada 6 gitar elektrik, salah satu nya berharga 10 ribu ringgit (waaaaa, DASYAT NYA!!! –ed). Saya bersyukur dengan pekerjaan saya sekarang saya mampu membeli gitar2 yang saya mahu. Terima kasih kepada Ayah dan Ibu yang sangat mementingkan pelajaran saya. Jika tidak, saya tidak mempunyai apa2 hari ini.Keluarga,keluarga angkat dan kawan2 saya sentiasa menyokong saya. Hari ini saya masih tidak berhenti dengan ada saya suka. Saya bukanlah artis atau rock star, tapi saya sangat suka gitar dan menyanyi. Saya rasa pengalaman saya bermain gitar pasti sama dengan orang2 yang susah zaman dulu...hanya mereka boleh rasa apa yang saya rasa. Saya menangis dan gembira kebanyakkannya bersama gitar2 saya...Saya masih meneruskan dengan band terbaru saya Insanediary.....

yway, thanks to Ahmad Faizal Alias coz sudi sumbang cerita. harap anda akan hantar lagi banyak kisah yg menarik, saya pasti pengalaman 29 tahun mengenai dunia, muzik dan lain lain akan menjadi lebih menarik jika di kongsi bersama kami..

